



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 28 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI SUMBANG BAKUL MAKANAN KEPADA KOMUNITI NELAYAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4.	DUA BOT NELAYAN VIETNAM CUBA CURI GAMAT, NEGERI KELANTAN, SH -26 DEPT TO PLANT 60 ANTI-TRAWLING ARTIFICIAL REEFS IN TG SIRIK WATERS OFF PULAU BRUIT, BORNEO POST (KK) -ONLINE 20 ARTIFICIAL REEFS SUNK OFF SEMPORNA, BORNEO POST (KK) -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	SAWAH PADI TENGGELAM AKIBAT HUJAN LEBAT, MUSIM TENGGUJUH DI MALAYSIA, SH -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	AGROBANK SUMBANG 600 KOTAK BANTUAN MAKANAN KEPADA NELAYAN KUALA KEDAH, BISNES, HM -26	AGROBANK
7. 8. 9. 10. 11.	FARMERS HIT BY COSTLY AGRICULTURAL CHEMICALS, BORNEO POST (KK) -ONLINE KENAIKAN HARGA BAHAN KIMIA PERTANIAN BEBANKAN PETANI, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE LULUSAN UK USAHA LADANG ROCK MELON, DALAM NEGERI, UM -30 LAWATN KE PROJEK PERTANIAN HALIA, CILI API, KOMUNITI KITA, UM -42 TIGA BERADIK KONGSI MINAT USAHA LADANG, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



28 SEP, 2021

## MAFI sumbang bakul makanan kepada komuniti nelayan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

# MAFI sumbang bakul makanan kepada komuniti nelayan

**BINTULU:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) telah menyumbang bakul makanan kepada komuniti nelayan yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 serta petugas barisan hadapan di pekarangan Pejabat Perikanan Laut Daerah Bintulu, Jalan Sungai Nyigu dekat sini semalam.

Pengarah JPIS Bohari Leng berkata, ia merupakan program nasional dilancarkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan tahun ini sejajar dengan kerajaan prihatin bagi membantugolongan terkesan serta penghargaan kepada barisan hadapan melibatkan Kementerian Kesihatan Ma-

laysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sebagainya yang terlibat dalam menangani COVID-19.

"Kita mendapat kerjasama daripada rakan strategik Sarawak Fishing Vessel Association atau Persatuan Kapal Ikan Bintulu yang telah memberi sumbangan berupa makanan dan air minuman khususnya kepada para nelayan yang terkesan akibat dikuarantin, terkena COVID-19, terjejas pendapatan dan sebagainya," katanya ditemui selepas program itu semalam.

Bohari berkata, dengan bantuan itu diharap akan meringankan beban perbelanjaan dapur para nelayan dan pada masa sama kita juga memberi sumbangan



**BANTUAN:** Bohari (tiga kiri) menyerahkan sumbangan kepada seorang nelayan.

kepada petugas barisan hadapan atas semangat kerja mereka yang tidak kenal penat untuk membendung wabak COVID-19. Ujarnya, program itu akan



28 SEP, 2021

## MAFI sumbang bakul makanan kepada komuniti nelayan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3

diteruskan di setiap daerah di Sarawak dan program sama telah diadakan di Oya (Mukah) dan akan datang di tempat-tempat lain.

“Konsepnya kerjasama MAFI prihatin, namun kita menyeru rakan strategik lain yang ada kaitan dengan industri perikanan seperti akuakultur, hot laut, kilang sejuk beku dan sebagainya juga boleh menyumbang sebagai tanggungjawab sosial kepada masyarakat khususnya komuniti nelayan,” katanya.

Selain itu katanya, program itu turut mendapat kerjasama Pejabat Residen Bahagian Bintulu sebagai Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Bintulu, pihak hospital, polis, juba-

tan bomba dan lainnya yang layak mendapat sumbangan ini.

Sumbangan Sarawak Fishing Vessel Association (SFVA) Cawangan Bintulu adalah membabitkan 100 karton air minuman, lapan kotak besar mi segera, 16 kotak besar biskut, 30 kampak beras 5 kilogram serta beberapa jenis makanan asas yang bernilai RM4,500.

Seramai 30 nelayan di Bintulu menerima sumbangan itu dan program turut diadakan dengan konsep pandu lalu mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Hadirsama Ketua Wilayah Perikanan III Miri Rizwan Nordin serta tetamu lainnya.



28 SEP, 2021

## MAFI sumbang bakul makanan kepada komuniti nelayan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

BINTULU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) telah menyumbang bakul makanan kepada komuniti nelayan yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 serta petugas barisan hadapan di pekarangan Pejabat Perikanan Laut Daerah Bintulu, Jalan Sungai Nyigu dekat sini semalam.



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 28 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	DUA BOT NELAYAN VIETNAM CUBA CURI GAMAT, NEGERI KELANTAN, SH -26 DEPT TO PLANT 60 ANTI-TRAWLING ARTIFICIAL REEFS IN TG SIRIK WATERS OFF PULAU BRUIT, BORNEO POST (KK) -ONLINE 20 ARTIFICIAL REEFS SUNK OFF SEMPORNA, BORNEO POST (KK) -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	SAWAH PADI TENGGELAM AKIBAT HUJAN LEBAT, MUSIM TENGGUJUH DI MALAYSIA, SH -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	AGROBANK SUMBANG 600 KOTAK BANTUAN MAKANAN KEPADA NELAYAN KUALA KEDAH, BISNES, HM -26	AGROBANK
6. 7. 8. 9. 10.	FARMERS HIT BY COSTLY AGRICULTURAL CHEMICALS, BORNEO POST (KK) -ONLINE KENAIKAN HARGA BAHAN KIMIA PERTANIAN BEBANKAN PETANI, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE LULUSAN UK USAHA LADANG ROCK MELON, DALAM NEGERI, UM -30 LAWATN KE PROJEK PERTANIAN HALIA, CILI API, KOMUNITI KITA, UM -42 TIGA BERADIK KONGSI MINAT USAHA LADANG, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Dua bot nelayan Vietnam cuba curi gamat



Syed Nor Adli (kiri) memeriksa nelayan asing warga Vietnam yang mencero boh perairan negara pada Isnin.

**PASIR PUTEH** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan menahan kapal Vietnam yang mencero boh dan merompak hasil negara dalam dua serbuan berasingan di perairan negeri itu pada Sabtu.

Serbuan pada jarak 54 dan 56 batu nautika dari Muara Tok Bali itu melibatkan rampasan dua bot, diesel sebanyak 10,000 liter dan peralatan menangkap gamat yang dianggarkan berjumlah RM600,000.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab Rahman berkata, semasa melakukan rondaan menerusi Op Kuda Laut pada jam 3.29 petang, pihaknya telah mengesan kedua-dua bot berkenaan dalam keadaan mencurigakan.

“Pihak kami mengambil masa lebih kurang satu jam setengah untuk memintas dan menahan kedua-dua bot tersebut.

“Semasa cuba menahan kumpulan nelayan asing itu, kedua-dua bot bertindak melepaskan tali ke dalam air serta meletakkan besi penghadang di sisi bot mereka bagi menghalang tugas anggota penguat kuasa,” katanya semasa sidang akhbar di Jeti Maritim Malaysia Kelantan, Tok Bali di sini pada Isnin.

Menurutnya, bot-bot tersebut cuba melarikan diri menuju ke sempadan perairan Thailand namun berjaya dipintas dan ditahan di kedudukan lebih kurang tiga batu nautika daripada sempadan perairan Thailand.

“Beliau berkata, pemeriksaan ke atas

bot pertama yang ditahan pada jam 5.07 petang mendapati bot dikendalikan lima kru termasuk tekong manakala bot kedua ditahan pada jam 5.35 petang dikendalikan empat kru termasuk tekong.

Katanya, kesemua sembilan kru termasuk dua tekong merupakan warga Vietnam berumur 24 hingga 53 tahun.

Syed Nor Adli berkata, pemeriksaan mendapati tiada sebarang hasil laut di temukan di atas kedua-dua bot tersebut.

“Siasatan awal mendapati kedua-dua bot dipercayai baharu sahaja masuk ke perairan negara dan belum sempat melakukan kegiatan menangkap gamat.

“Pemeriksaan juga mendapati kedua-dua bot tidak memiliki permit untuk menangkap ikan di bawah Akta Perikanan 1985,” katanya.

28 SEP, 2021

## Dept to plant 60 anti-trawling artificial reefs in Tg Sirik waters off Pulau Bruit

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2



Abdullah (front, third left) and Bohari on his right join others in a group photo, arranged after the launch of the anti-trawling artificial reefs deployment into Tanjung Sirik waters. — Photo by Ukas

## Dept to plant 60 anti-trawling artificial reefs in Tg Sirik waters off Pulau Bruit

**SIBU:** The Fisheries Department would deploy 60 additional units of anti-trawling artificial reefs into the Tanjung Sirik waters off Pulau Bruit in Daro.

According to Assistant Minister in Chief Minister's Department - Corporate Affairs and Sarawak Public Communications Unit (Ukas) Abdullah Saidol, these artificial reefs would supplement the 50 units planted back in 2019 off Pulau Bruit, which is the largest fishing settlement in the state's central zone.

He said this latest undertaking took about four months to reach completion.

"The whole project did face a slight delay due to Covid-19. Our thanks to the Fisheries Department for ensuring smooth deployment of the artificial reefs in Tanjung Sirik.

"We appreciate this initiative, which was funded using a RM20-million allocation from the federal government.

"The cost to deploy 60 units

of artificial reefs into Tanjung Sirik was about RM890,000," he told reporters when met after the launch of the artificial reefs yesterday.

It is informed that the artificial reefs deployed under this latest project, supervised by the Fisheries Department of Sarawak and Public Works Department (JKR) Sarawak, are larger than those commissioned by Sarawak Forestry Corporation (SFC).

Adding on, Abdullah said the reef ball deployment project, costing an overall RM70 million, was kicked off in 2018 and should reach completion within this year.

"Up to now, the SFC has successfully deployed 600 units of artificial reefs in Belawai-Paloh waters, 600 units in Lawas waters, 1,200 units in Igan-Mukah waters, 1,200 units in Muara Tebas-Sebuyau waters, 660 units in Pulau Bruit-Igan waters, and 1,100 in Sampadi-Tanjung Datu

waters.

"These areas, as a whole, are touted as housing the longest artificial reef ball project in the world," he said.

Meanwhile, Fisheries Department Sarawak director Bohari Leng said the artificial reefs would serve to prevent the encroachment of fishing trawlers into the local waters, apart from becoming new habitats for fish and other marine life; thus, increasing the resources of coastal fisheries.

"Also, the project would increase the number of coastal fishermen.

"The department also supports the development of recreational fishing because large and small fish colonies are usually found in and around areas where the reefs are.

"Additionally, turning these reefs into recreational fishing spots would provide a stable growing area for corals," he added.



28 SEP, 2021

## Dept to plant 60 anti-trawling artificial reefs in Tg Sirik waters off Pulau Brait

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Abdullah (front, third left) and Bohari on his right join others in a group photo, arranged after the launch of the antitrawling artificial reefs deployment into Tanjung Sirik waters. — Photo by Ukas

SIBU: The Fisheries Department would deploy 60 additional units of anti-trawling artificial reefs into the Tanjung Sirik waters off Pulau Brait in Daro.



28 SEP, 2021

## 20 artificial reefs sunk off Semporna

Borneo Post (KK), Malaysia



Kissey (fifth left), Azhar (fourth left) and the officers holding up the banner of the event.

# 20 artificial reefs sunk off Semporna

**KOTA KINABALU:** The State Government takes seriously the activities of trawlers along the coast because they can damage fishery resources, especially marine life on coral reefs.

State Fisheries Department director Godfery Kissey said this after witnessing 20 artificial reefs being sunk off Kampung Sagaban, Semporna recently.

The recreational artificial reefs will serve as a deterrent to

trawling activities in the area, he said.

He added that since 2012, a total of 121 units of various types of artificial reefs have been placed in Semporna. The locations are at Kg Menampilik, Kg Pakalangan, Kg Pulau Pababang, Kg Kebimbangan, Kg Silungun, Kg Larapan Hujung, Kg Sagaban as well as other villages in the surrounding area.

“With the availability of

these artificial reefs, it is hoped that fish catches of traditional fishermen will increase. We also hope that their income through sustainable fishing and sustainable fisheries resources will also improve.

“The artificial reefs create habitats and fish breeding areas in coastal areas as well as help restore and enrich the declining coastal fisheries resources. It can also become a tourist attraction,

especially recreational fishing activities as well as scuba diving activities in the future which in turn becomes a new source of income for coastal fishermen,” said Kissey.

Also present at the event were Deputy Director of Fisheries (Development) Azhar Kassim, Tawau Regional Fisheries Officer Rendy Sairin and Semporna District Fisheries Superintendent Rizal Socradji.



28 SEP, 2021

## 20 artificial reefs sunk off Semporna

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA KINABALU: The State Government takes seriously the activities of trawlers along the coast because they can damage fishery resources, especially marine life on coral reefs. State Fisheries Department director Godfery Kiskey said this after witnessing 20 artificial reefs being sunk off Kampung Sagaban, Semporna recently. The recreational artificial reefs will serve as a deterrent to

trawling activities in the area, he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2021	SINAR HARIAN	MUSIM TENGGUJUH DI MALAYSIA	14

## Sawah padi tenggelam akibat hujan lebat

**ALOR SETAR** - Hujan lebat dan angin kencang kerap berlaku sejak 9 September lalu menyebabkan tanaman padi Musim 1/2021 peringkat masak dalam Blok Pengairan ACRBD 3 rebah dan ditenggelami air termasuk kawasan Kampung Telaga Batu, Mukim Jeram, Jitra.

Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Nik Kun Nik Man berkata, pihaknya mengambil beberapa tindakan yang perlu bagi mengurangkan kesan kerosakan dengan merendahkan paras air di dalam blok berkenaan dengan membuka pintu air DEC bagi mempercepatkan saliran air keluar termasuk menggunakan operasi pam elektrik ACRBD 4 berkapasiti 0.6 meter padu sesaat.

Menurutnya, MADA mendapati kawasan terbabit dipenuhi dengan tumbuhan dan semak seluas kira-kira 1,000 meter sehingga menyebabkan saliran air keluar dari sawah terganggu.

"Pemantauan terhadap kesan kerosakan pada pokok padi yang rebah di dalam blok berkenaan (Kampung Telaga Batu) sedang dilaksanakan dan dibuat bancian.

"Tindakan pembersihan saluran Parit ACRBD 4 ini telah dilaksanakan oleh pihak MADA pada pertengahan Mac hingga April lalu. Bagaimanapun, pengurangan pusingan pembersihan saluran secara berkala dari empat pusingan kepada dua pusingan setahun turut menyumbang kepada masalah tumbuhan

dan semak dalam saluran tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *Sinar Harian* pada Ahad apabila lebih 40 pesawah di Kampung Telaga Batu, Mukim Jeram mengalami kerugian kira-kira RM100,000 selepas tanaman padi yang diusahakan mereka ditenggelami air.

Pesawah mendakwa sistem saliran sepanjang lima kilometer yang tidak diselenggarakan oleh pihak berwajib menjadi antara punca 40 hektar sawah di kampung terbabit ditenggelami air.

Mengulas lanjut, Nik Kun berkata, MADA telah memulakan kerja-kerja pembersihan di kawasan berkenaan pada 15 September lalu dan dijangka siap sepenuhnya awal Oktober ini.

"Bagi kerja-kerja pembersihan pusingan kedua pula akan bermula selewat-latewatnya pada pertengahan Oktober selepas selesai kerja-kerja pembersihan yang sedang dilaksanakan ini," jelasnya.



Laporan *Sinar Harian* pada Ahad.



KAMARUL Azlan (dua dari kanan) dan Abdul Hamid (dua dari kiri) pada majlis penyerahan sumbangan.

## Agrobank sumbang 600 kotak bantuan makanan kepada nelayan Kuala Kedah

**Kuala Lumpur:** Agrobank menyumbang 600 kotak bantuan makanan berjumlah RM49,000 kepada komuniti nelayan di Kuala Kedah, Kedah yang terkesan susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Inisiatif yang dijalankan dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah dan Persatuan Ne-

tif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, bertepatan dengan slogan Sentiasa di Sisi Anda, pihaknya memahami kesukaran yang dihadapi komuniti nelayan di Kuala Kedah di mana kehidupan dan terputus hubungan logistik berikutan arahan PKPD yang membatalkan hampir seluruh kawasan di mukim Kuala Kedah.

Penanggung Tugasan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, bertepatan dengan slogan Sentiasa di Sisi Anda, pihaknya memahami kesukaran yang dihadapi komuniti nelayan di Kuala Kedah di mana kehidupan dan terputus hubungan logistik berikutan arahan

komuniti nelayan di sana untuk meneruskan kehidupan seharian mereka," katanya dalam kenyataan.

Sesi penyerahan disempurnakan Ketua Bahagian Komersial Agrobank Wilayah Utara, Kamarul Azlan Razak kepada Pengerusi Nelayan, Abdul Hamid Bahari di Dewan Komuniti Nelayan, Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).



28 SEP, 2021

## Farmers hit by costly agricultural chemicals

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# Farmers hit by costly agricultural chemicals

**KOTA KINABALU:** Prices for weedicides, fertilisers, and other agricultural chemicals have soared by up to 20 per cent as a result of tight supplies, strong demand, and the ongoing lockdown caused by the pandemic.

Deputy Chief Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan said Sabah gets most of its weedicides and fertilisers from India and China.

"The issue is that, as a result of the implementation of the Movement Control Order (MCO), we are receiving our supply of agricultural chemicals late, causing prices of local supplies to rise. The increase in transportation charges exacerbates this situation," he said.

Kitingan, who is also the Agriculture and Fisheries Minister, stated that the cost of raw materials used to manufacture the finished goods has also risen exponentially.

The majority of these raw materials are sourced from China and India as well.

"At the moment, Malaysia is experiencing severe weedicide and fertiliser supply shortages. The demand, however, has not decreased," he said.

Kitingan said he had received several complaints from the farmers in Sabah, who said the extent of the surge in prices of fertilisers, weedicides and agricultural chemicals had exceeded expectations.

Many industry players are worried the prices will remain at elevated levels for longer than previously thought as there is no clear indication of inventories building up anywhere.

"As such, I am hoping the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNKK) will take appropriate action to regulate the prices of weedicides, fertilisers and other agricultural chemicals.

"At the same time, I urge farmers organisation shops under the federal Ministry of Agriculture and Food Industry to assist farmers by selling agricultural chemicals and fertilisers at a more affordable price," he concluded.



28 SEP, 2021

## Farmers hit by costly agricultural chemicals

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA KINABALU: Prices for weedicides, fertilisers, and other agriculturalchemicalshavesoared by up to 20 per cent as a result of tight supplies, strong demand, and the ongoing lockdown caused by the pandemic. Deputy Chief Minister Datuk Seri Panglim Dr Jeffrey Kitingan said Sabah gets most of its weedicides and fertilisers from India and China.



28 SEP, 2021

## Kenaikan harga bahan kimia pertanian bebankan petani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 3

# Kenaikan harga bahan kimia pertanian bebankan petani

Dr Jeffrey mahu KPDNHEP ambil tindakan cepat kawal harga barangan berkenaan, peniaga diminta lebih bertimbang rasa



DR JEFFREY

Oleh Yap Siong Han

**KUALA LUMPUR:** Harga racun rumpai, baja, dan bahan kimia pertanian telah meningkat sehingga 20 peratus akibat bekalan terhadap.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan berkata, kenaikan itu juga disebab-

kan permintaan yang tinggi dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berterusan.

“Walaupun Sabah mendapat sebahagian besar racun rumpai dan baja dari negara India dan China, masalahnya ialah, akibat daripada pelaksanaan PKP, kita lambat menerima bekalan bahan berkenaan sete-

rusnya menyebabkan harga tempatan naik.

“Kenaikan caj pengangkutan memburukkan lagi keadaan ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Dr Jeffrey yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan berkata, kos bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan tana-



28 SEP, 2021

## Kenaikan harga bahan kimia pertanian bebankan petani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 3

man juga meningkat dengan pesat.

Katanya, sebilangan besar bahan mentah berkenaan juga berasal dari China dan India.

"Pada masa ini, Malaysia mengalami kekurangan bekalan racun rumpai dan bekalan baja, bagaimanapun permintaan terhadap produk itu tidak menurun,"

katanya.

Menurutnya, banyak aduan diterima mengenai kenaikan harga mendadak terhadap bekalan terbabit.

"Oleh itu, saya berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) akan mengambil tindakan cepat untuk mengawal harga racun rumpai,

baja, dan bahan kimia pertanian.

"Pada masa yang sama, saya berharap kedai-kedai pertubuhan petani di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Persekutuan dapat membantu petani dengan menjual bahan kimia pertanian serta baja dengan harga lebih berpatutan," katanya.



28 SEP, 2021

## Kenaikan harga bahan kimia pertanian bebbankan petani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

Dr Jeffrey mahu KPDNHEP ambil tindakan cepat kawal harga barangan berkenaan, peniaga diminta lebih bertimbang rasa

DRJEFFREY

KUALA LUMPUR: Harga racun rumpai, baja, dan bahan kimia pertanian telah meningkat sehingga 20 peratus akibat bekalan terhad. Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan berkata, kenaikan itu juga disebabkan

permintaan yang tinggi dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berterusan.

28/9/2021

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

## Lulusan UK usaha ladang *rock melon*

**PORT DICKSON:** Empat rakan karib berkelulusan pelbagai bidang dari United Kingdom (UK) sepakat mengusahakan tanaman buah *rock melon*.

Mereka ialah Hasni Mohd. Tayeb, 47, Zahari Mohamed, 47, Nashri Adnan, 44, dan Wan Azmi Abdullah, 47, mengusahakan tanaman tersebut di Kampung Jimah Baru, dekat sini menggunakan kaedah hidropnik.

Hasni berkata, mereka mengusahakan ladang di tanah seluas 0.81 hektar bukan semata-mata untuk menjual hasilnya tetapi untuk menjadikan ia sebagai lokasi agropelancongan.

"Kami sepakat menjalankan tanaman *rock melon* sejak setahun lalu menggunakan konsep pertanian terbuka dan rumah hijau di mana ia ditanam secara hidropnik.

"Berkonsepkan agropelancongan, kami mahu orang ramai berpeluang melihat ladang serta membeli buah dengan harga rendah berbanding di pasaran luar. Kami membenarkan mereka memetik sendiri, menimbang serta membayarnya.

"Kami ingin mewujudkan tapak khemah kerana di belakang ladang ini mempunyai sungai



**HASNI Mohd. Tayeb, (tengah), Zahari Mohamed (kiri) dan Nashri Adnan (kanan) menunjukkan buah rock melon diusahakan mereka di Kampung Jimah Baru, Port Dickson kelmarin. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI**

dan orang ramai boleh berkhemah di ladang ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* pada hari terbuka jualan terus di sini semalam.

Kata Hasni lagi, harga dijual ialah RM6 bagi setiap kilogram berbanding pasaran biasa atau import RM8 sehingga RM15 sekilogram.

"Sebanyak 10,000 biji rock

melon dihasilkan di ladang ini dan 5,000 biji dijual pada hari jualan terus dua hari," katanya.

Sementara itu, Hasni berkata, buah rock melon lebih mudah ditanam pada cuaca panas namun keadaan cuaca tidak menentu antara cabaran yang perlu dihadapi selain gangguan serangga seperti lalat buah dan kulat.

28/9/2021

UTUSAN  
MALAYSIAKOMUNITI  
KITA

42

## Lawatan ke projek pertanian halia, cili api

SATU lawatan kerja ke projek tanaman halia dan cili api di Agrostay Lonek, Batu Kikir, Jempol baru-baru ini dilakukan oleh Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Hisyam Yacob baru-baru ini.

Projek tanaman tersebut dilaksanakan secara berkelompok di bawah Projek Pertanian Bandar dan disertai oleh Ahli Lembaga Koperasi Homestay Lonek Jempol Bhd. (Kolonek) sebagai peserta.

Pengerusi Kolonek, Hajah Nor Asiah Haron berkata, projek tersebut mengusahakan kira-kira 1,000 batang pokok halia yang ditanam secara fertigasi dan 1,000 pokok cili api bara

yang dijalankan sebagai usaha selepas perniagaan koperasi iaitu inap desa yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Hisyam pula berkata, projek yang dilaksanakan oleh Kolonek tersebut merupakan salah satu daripada 14 bantuan projek fertigasi meja yang diluluskan pihaknya di daerah Jempol.

■ **HISYAM Yacob** (kini) mendengar penerangan daripada Asiah Haron (tengah) ketika melawat projek pertanian bandar di Agrostay Lonek di Kampung Lonek, Batu Kikir, Jempol baru-baru ini. - **UTUSAN/ NURULAZMA SHAFIQAH KHAIRUL AZHAR**



# Tiga beradik kongsi minat usaha ladang

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI  
utusannews@mediamulla.com.my

**JEMPOL:** Tiga beradik nekad menceburkan diri dalam projek pertanian selepas menyedari bidang tersebut mampu memberikan pulangan lumayan.

Mereka ialah Alif Dzulfarhan Mohamad Shaharudin, 31, Afiq Dzulfarhan Mohamad Shaharudin, 29, dan Azriq Dzulfiqri Mohamad Shaharudin, 21, dari Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir dekat sini turut mengambil keputusan meninggalkan bidang yang dipelajari di peringkat pengajian tinggi bagi mengusahakan lebih 20 jenis tanaman sayuran-sayuran sebidang tanah seluas lapan hektar.

Alif Dzulfarhan yang juga merupakan anak sulung dan mempunyai kelulusan Diploma Teknologi Maklumat namun telah sepenuh masa mengusahakan ladang tanaman sayur tersebut.

"Selepas habis belajar, saya ikut ayah, Mohamad Sbaharudin Nordin, 58, bagi mempelajari berkaitan makanan ternakan dan selepas itu pula mengusahakan ladang tanaman sayur ini bersama dua adik saya yang lain.



**Sambutan terhadap sayur-sayuran yang kami tanam sangat menggalakkan dan ia mencecah 600 kilogram hasil kami keluarkan sehari yang mampu menampung keperluan peniaga di daerah ini."**

"Saya melihat ladang sayur ini mampu membuahkan hasil lumayan walaupun kami terpaksa bekerja dalam keadaan panas terik. Memang rasa semangat kerana bidang ini boleh menjana pendapatan, kini saya perlu tambahkan lagi ilmu dalam bidang pemasaran dan pengurusan ladang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Menurutnya, antara sayur-sayuran yang ditanam adalah seperti sawi, maman, bayam

merah, teruk, labu, daun kunyit dan petola.

"Sambutan terhadap sayur-sayuran yang kami tanam sangat menggalakkan dan ia mencecah 600 kilogram hasil kami keluarkan sehari yang mampu menampung keperluan peniaga di daerah ini," katanya sambil memberitahu maman merupakan sayuran yang paling banyak mendapat permintaan daripada peniaga.

Dalam pada itu, Alif Dzulfarhan memberitahu, dia turut memberikan tawaran harga rendah untuk sayur-sayuran ditanamnya kepada mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mahu memberikan sumbangan kepada golongan asnaf dan mereka yang memerlukan.

"Ada beberapa buah NGO yang turut membeli sayur-sayuran di sini bagi mereka memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

"Selalunya mereka akan datang dua kali seminggu dan akan membeli sebanyak 30 hingga 50 kilogram sayur-sayuran," katanya sambil memberitahu dia kini giat memberikan bimbingan kepada beberapa orang muda yang turut berminat menceburkan diri dalam bidang tanaman sayur-sayuran.



ALIF Dzulfarhan Mohamad Shaharudin (tengah) bersama dua orang adiknya Alif Dzulfarhan (kanan) dan Azriq Dzulfiqri ketika ditemui *Utusan Malaysia* di ladang tanaman sayuran-sayuran yang diusahakan mereka di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI